

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

1. Senaraikan jadual berkala bagi kerja-kerja pembersihan infra sungai dan tali air di semua daerah.
 - (a) Senaraikan kontraktor yang telah dilantik mengikut daerah.
 - (b) Apakah tindakan yang diambil kepada kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi kerja?
 - (c) Berapakah peruntukan yang disediakan di setiap daerah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Jadual berkala bagi kerja-kerja pembersihan sungai dan tali air di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

PUSINGAN	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
Pusingan 1	2 Februari 2024	21 Mac 2024
Pusingan 2	28 Mac 2024	12 Mei 2024
Pusingan 3	19 Mei 2024	3 Julai 2024
Pusingan 4	10 Julai 2024	24 Ogos 2024
Pusingan 5	31 Ogos 2024	15 Oktober 2024
Pusingan 6	22 Oktober 2024	6 Disember 2024

- (a) Senarai kontraktor yang telah dilantik mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) sekiranya kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kerja adalah notis teguran secara bertulis supaya pembaikan dapat dilaksanakan dan pemotongan pembayaran jika tidak menjalankan kerja seperti di dalam spesifikasi. Selain itu, JPSPP turut menyalurkan sebarang aduan ketidakakuran kontraktor kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk tindakan selanjutnya oleh agensi tersebut.
- (c) Peruntukan yang diterima oleh JPS Daerah untuk kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan sungai dan tali air adalah seperti berikut:

DAERAH	PERUNTUKAN
Timur Laut	3,450,000.00
Barat Daya	1,500,000.00
Seberang Perai Utara	6,000,000.00
Seberang Perai Tengah	3,500,000.00
Seberang Perai Selatan	3,500,000.00

LAMPIRAN A**JADUAL 1: SENARAI KONTRAKTOR KERJA-KERJA
PEMBERSIHAN SUNGAI DAN TALI AIR MENGIKUT DAERAH**

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	DAERAH
1	Hikmat Wares Enterprise	Timur Laut
2	Puncak Ekhsan Enterprise	Timur Laut
3	Gemilang Pesona Fasiliti	Timur Laut
4	Nazmy Naz Enterprise	Timur Laut
5	Perniagaan Cahaya Barakah	Timur Laut
6	NJ Star Enterprise	Timur Laut
7	Machini Enterprise	Timur Laut
8	ZBI Berkat Enterprise	Timur Laut
9	Mam Murni Enterprise	Timur Laut
10	June Nineteen Venture	Timur Laut
11	Cahaya Nurzu Enterprise	Timur Laut
12	Smart Touch Enterprise	Timur Laut
13	SHRM Ent	Timur Laut
14	FZ Sensasi Enterprise	Timur Laut
15	DNS Teguh Enterprise	Timur Laut
16	IFW Bina Enterprise	Timur Laut
17	Aspirasi Enigma Enterprise	Timur Laut
18	Nuri Abadi Enterprise	Timur Laut
19	Arus Sutera Enterprise	Timur Laut
20	Nursana Maju Enterprise	Timur Laut
21	Perusahaan RBM	Timur Laut
22	Benua Harapan Enterprise	Timur Laut
23	Perusahaan Seri Mutiara	Timur Laut
24	SRE Ventures	Timur Laut
25	Jaringan Permata Sdn. Bhd.	Timur Laut
26	Casa Teguh Venture	Barat Daya
27	SN Legacy Construction	Barat Daya
28	Fatradinas Jaya Enterprise	Barat Daya
29	MJH Empire	Barat Daya
30	Rentak Evolusi Niaga	Barat Daya
31	Eiyad Enterprise	Barat Daya
32	Perniagaan Begoh Armada	Barat Daya
33	Oasis Enterprise Sdn. Bhd.	Seberang Perai Utara
34	Bukit Kulim Construction Sdn. Bhd.	Seberang Perai Utara
35	ZBH Mega Enterprise	Seberang Perai Utara

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	DAERAH
36	Puncak Inspirasi Ventures	Seberang Perai Utara
37	Silver Two Enterprise	Seberang Perai Utara
38	Reno Takumi Enterprise	Seberang Perai Utara
39	Syarikat Usha Jaya	Seberang Perai Utara
40	Adhar Enterprise	Seberang Perai Utara
41	Anggun Cemerlang Enterprise	Seberang Perai Utara
42	Keutuhan Jannah Enterprise	Seberang Perai Utara
43	Serasi Unggul Enterprise	Seberang Perai Utara
44	Empayar Harmoni Sdn. Bhd.	Seberang Perai Utara
45	Map & Ammar Enterprise	Seberang Perai Utara
46	Perniagaan Begoh Armada	Seberang Perai Utara
47	Faja Sama Enterprise	Seberang Perai Utara
48	Mahfuz Construction	Seberang Perai Utara
49	Serumpun Utara Enterprise	Seberang Perai Utara
50	Perniagaan Merbau Kudung	Seberang Perai Utara
51	Warisan Ajmal Enterprise	Seberang Perai Utara
52	Fatradinas Jaya Enterprise	Seberang Perai Utara
53	Sabajaya Enterprise	Seberang Perai Utara
54	Penaga Makmur Enterprise	Seberang Perai Utara
55	ZMLH Enterprise	Seberang Perai Utara
56	Generasi Warisan Teguh Enterprise	Seberang Perai Utara
57	Mekar Terang Enterprise	Seberang Perai Utara
58	Ozan Enterprise	Seberang Perai Utara
59	Aminzaful Azizam bin Mohamed Nasib	Seberang Perai Utara
60	Shah Mutiara Jaya Enterprise	Seberang Perai Utara
61	Tikabina Development Enterprise	Seberang Perai Utara
62	Atiena Enterprise	Seberang Perai Utara
63	Syarikat Azmi	Seberang Perai Utara
64	Melati Tuah Sdn. Bhd.	Seberang Perai Utara
65	Taaheyra Enterprise	Seberang Perai Utara
66	Prima Kristal Enterprise	Seberang Perai Utara
67	HBH Murni Enterprise	Seberang Perai Utara
68	Carta Indah Sdn. Bhd.	Seberang Perai Utara
69	DIASN Berkat Enterprise	Seberang Perai Utara
70	Prima Scape Enterprise	Seberang Perai Utara
71	Inspirasi Niaga Venture	Seberang Perai Utara
72	Lahar Indah Construction	Seberang Perai Utara
73	SA Kenari Enterprise	Seberang Perai Utara
74	MNAS Global Synergy Enterprise	Seberang Perai Utara
75	MZ Tegas Enterprise	Seberang Perai Tengah
76	Dataran Elit Enterprise	Seberang Perai Tengah

BIL.	NAMA KONTRAKTOR	DAERAH
77	Prima Kristal Enterprise	Seberang Perai Tengah
78	RS Baiduri Trading	Seberang Perai Tengah
79	Kempas Tiga Enterprise	Seberang Perai Tengah
80	Ikal Teguh Enterprise	Seberang Perai Tengah
81	Mika Jaya Enterprise	Seberang Perai Tengah
82	Falin Maju Enterprise	Seberang Perai Tengah
83	Setia Jaya	Seberang Perai Tengah
84	Perniagaan ABH	Seberang Perai Tengah
85	Perniagaan Hal Mahera	Seberang Perai Tengah
86	Vision Tower Enterprise	Seberang Perai Tengah
87	Inspirasi Harmoni Enterprise	Seberang Perai Tengah
88	HBS Setia Enterprise	Seberang Perai Tengah
89	Amza Watan Enterprise	Seberang Perai Tengah
90	Permata Ndn Enterprise	Seberang Perai Tengah
91	Shahniz Enterprise	Seberang Perai Tengah
92	Labur Bina Enterprise	Seberang Perai Tengah
93	Aimar Global Venture	Seberang Perai Tengah
94	Norizan Construction	Seberang Perai Tengah
95	Langkah Global Sdn. Bhd.	Seberang Perai Selatan
96	Tasek Ceria Enterprise	Seberang Perai Selatan
97	Syazakaria Enterprise	Seberang Perai Selatan
98	MFI Dinamik Enterprise	Seberang Perai Selatan
99	Jati Muda Enterprise	Seberang Perai Selatan
100	DS Maju Sdn. Bhd.	Seberang Perai Selatan
101	Shafynaz Resources	Seberang Perai Selatan
102	Delima Jati Maju Enterprise	Seberang Perai Selatan
103	Mutiara Jitu Enterprise	Seberang Perai Selatan
104	Buyau Creative Trading	Seberang Perai Selatan
105	Fajar Eratimur Sdn. Bhd.	Seberang Perai Selatan
106	Sayib Enterprise	Seberang Perai Selatan
107	Heavy Duty Enterprise	Seberang Perai Selatan
108	Ilham Ceria Enterprise	Seberang Perai Selatan
109	Pesaka Indah Enterprise	Seberang Perai Selatan
110	Damdil Enterprise	Seberang Perai Selatan
111	West Con Sdn. Bhd.	Seberang Perai Selatan
112	ZZA Enterprise	Seberang Perai Selatan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

2. Nyatakan tempat-tempat pelancongan mengikut kategori di Daerah Barat Daya (DBD).
 - (a) Berapakah hasil pendapatan pelancongan di DBD yang telah diperolehi daripada tahun 2020 hingga 2023?
 - (b) Senaraikan lokasi baru pelancongan berpotensi tinggi yang akan dibangunkan oleh kerajaan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Antara tempat pelancongan terkemuka di Daerah Barat Daya mengikut kategori ialah:
 - (i) Eko Pelancongan
 - 1) Pantai Malindo Balik Pulau;
 - 2) Anjung Indah Balik Pulau;
 - 3) Entopia by Penang Butterfly Farm;
 - 4) Tropical Spice Garden, Art & Garden;
 - 5) Pantai Batu Ferringhi;
 - 6) Pantai Teluk Bahang;
 - 7) Countryside Stables Penang;

- 8) Pantai Esen;
- 9) Penang National Park;
- 10) Monkey Beach;
- 11) Pantai Keracut;
- 12) Taman Rimba Teluk Bahang; dan
- 13) Akuarium Tunku Abdul Rahman.

(ii) Agro Pelancongan

- 1) Tropical Fruit Farm;
- 2) Saanen Dairy Goat Farm;
- 3) Durian Rumah Batu, Stone House Plantation; dan
- 4) Audi Dream Farm.

(iii) Muzium

- 1) Penang War Museum

(iv) Taman Tema

- 1) ESCAPE Penang; dan
- 2) Penang Golf Club.

(v) Pelancongan Agama

- 1) Snake Temple

- (a) Tiada rekod spesifik berkenaan hasil pendapatan pelancongan di Daerah Barat Daya yang telah diperolehi daripada tahun 2020 – 2023.

- (b) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) dan pihak Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) sedang membangunkan semula Pusat Agro Pelancongan Relau dengan diberi nama baharu iaitu '*Penang Durian Valley @ Relau*' di bawah pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pembangunan projek ini akan memfokuskan bidang pertanian teknologi tinggi, agro-pelancongan, penyelidikan pertanian dan mempromosikan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang. Projek ini dijangka menjadi tarikan pelancong yang baharu di Daerah Barat Daya setelah disiapkan nanti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

3. Status terkini pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar.
- (a) Apakah proses yang sedang berjalan?
 - (b) Adakah kerajaan bercadang untuk mengubah projek ini ke tempat yang lebih sesuai? Jelaskan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri pada ketika ini telah menangguhkan terlebih dahulu pembinaan asrama pekerja di kawasan Teluk Kumbar kerana mengambil kira aduan serta maklum balas daripada komuniti setempat di kawasan Teluk Kumbar dan pemegang taruh yang berkepentingan.
- (a) Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat (512 unit) di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. Kebenaran Merancang (Borang C1) telah diluluskan pada 29 November 2023 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan manakala Pelan Bangunan pula telah diluluskan pada 14 Ogos 2024. Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan Kebenaran Mula Kerja (COW) masih belum dikemukakan.
 - (b) Rancangan bagi pembinaan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters* - CLQ) di kawasan Teluk Kumbar ini telah dibuat dengan teliti dan mematuhi Garis Panduan

Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 dan undang-undang semasa yang berkuat kuasa. Selain itu, pemaju juga perlu mematuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBPP di dalam Kebenaran Merancang yang telah diluluskan. Justeru itu, Kerajaan Negeri buat masa ini tiada perancangan untuk mengubah asrama pekerja tersebut ke lokasi lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

4. Apakah status terkini pembinaan *suction tank* dan *water pump* di padang Permatang Damar Laut dan sekitarnya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri bersama pemaju projek bagi projek *Penang South Reclamation* (PSR) kini sedang mengkaji beberapa cadangan alternatif tapak *suction tank* dan *water pump* di kawasan berdekatan bagi kegunaan di PSR dengan mengambil kira untuk mengekalkan padang awam di Permatang Damar Laut bagi kegunaan masyarakat setempat selepas sesi libat urus bersama penduduk di kawasan Permatang Damar Laut dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

5. Apakah jaminan kerajaan selepas wujudnya *suction tank* dan *water pump* di Permatang Damar Laut, ianya tidak akan menjejaskan air di sekitar Balik Pulau?

(a) Jelaskan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Sistem perpaipan bekalan air ke Balik Pulau dan ke Permatang Damar Laut adalah berbeza walaupun kedua-duanya dari Kolam Takungan Air Bersih Bukit Dumbar. Oleh itu, cadangan awal tangki sedutan (*suction tank*) dan rumah pam di Permatang Damar Laut yang akan menyalurkan air ke *Silicon Island* tidak akan menjejaskan air di sekitar Balik Pulau. Pada peringkat ini juga, Kerajaan Negeri bersama pemaju projek bagi projek *Penang South Reclamation* (PSR) sedang mengkaji beberapa cadangan alternatif yang lain bagi tapak *suction tank* dan rumah pam dengan mengambil kira untuk mengekalkan padang awam di Permatang Damar Laut bagi kegunaan masyarakat setempat.

Tujuan tangki sedutan tersebut adalah komitmen bekalan air sementara Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebanyak 25 juta liter per hari (JLPH) diberikan khusus untuk menyokong peringkat pembinaan *Silicon Island* bagi tiga (3) hingga empat (4) tahun akan datang dan bukan untuk menampung keseluruhan pembangunan yang memerlukan sebanyak 90 JLPH. Anggaran ini dibuat berdasarkan analisis aliran paip semasa, baki aliran air dan jadual permintaan air yang dirangka dalam Laporan Cadangan

Pemajuan *Silicon Island* pada bulan September 2023 yang lalu. Bekalan air yang mencukupi untuk pembangunan penuh *Silicon Island* hanya boleh dijamin apabila terdapat ketersediaan sumber air mentah tambahan melalui Projek Air Penang-Perak.

- (a) PBAPP akan memastikan bekalan air sementara ke *Silicon Island* dan juga bekalan air tetap ke Balik Pulau akan sentiasa konsisten mengikut tahap kemajuan projek-projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (*WCP2030*) sehingga tahun 2030. Jaminan bekalan air yang lebih konsisten ke seluruh Barat Daya Pulau Pinang termasuk Balik Pulau hanya dapat diberikan tertakluk kepada kemajuan projek-projek di bawah *WCP2030* yang dijangka siap selepas tahun 2028 dan juga bergantung kepada ketersediaan sumber air mentah tambahan melalui Projek Air Penang-Perak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

6. Bilakah projek *suction tank* dan *water pump* dan jalan raya dari Batu Maung ke Silicon Island dijangka siap?
- (a) Kemukakan pelan projek *suction tank* dan *water pump* dan jalan raya *Pan Island Link (PIL) 2A* masuk ke Silicon Island.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Pembinaan rumah pam dan tangki sedutan dijangka bermula pada suku kedua tahun 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2027. Manakala, jalan raya PIL2A yang merupakan jalan sambungan utama dan akan dibina di sepanjang *median* jalan Batu Maung dari *Silicon Island* hingga ke lebuh raya bertingkat sedia ada berdekatan dengan SK Batu Maung yang akan dihubungkan ke Jambatan Kedua Pulau Pinang. Pembinaan jalan raya PIL2A ini akan dibina mengikut dua (2) fasa iaitu:
- (i) Fasa 1 dari *Silicon Island* hingga ke persimpangan Permatang Damar Laut sepanjang 1.5km yang dijangka bermula pada Januari 2025 dan disiapkan pada Disember 2027; dan
- (ii) Fasa 2 dari persimpangan Permatang Damar Laut ke lebuh raya bertingkat sedia ada berdekatan SK Batu Maung sepanjang 2.0km dijangka bermula pada bulan Jun 2028 dan siap sepenuhnya pada bulan Jun 2031.
- (a) Pihak pemaju projek kini sedang merangka cadangan alternatif lain bagi lokasi rumah pam dan tangki sedutan air manakala pelan projek keseluruhan bagi PIL2A sedang diperhalusi dan masih belum dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

7. Adakah pembinaan Pan Island Link (PIL) 2A akan bertindih dengan pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT)?
- (a) Apakah rancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya semasa projek pembinaan jalan raya PIL 2A dijalankan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jajaran LRT Laluan Mutiara tidak akan bertindih dengan pembinaan jalan *Pan Island Link 2A* (PIL 2A) kerana jajaran LRT ini tidak memasuki kawasan Batu Maung serta jarak PIL 2A dari jajaran LRT yang melalui Kampung Binjai adalah 1.5km. PIL 2A akan menghubungkan kawasan *Silicon Island* dengan Batu Maung dan ia dibina di sepanjang *median* Jalan Batu Maung sehingga ke lebuh raya bertingkat sedia ada berdekatan dengan SK Batu Maung dan terus dihubungkan ke Jambatan Kedua Pulau Pinang.
- (a) Pelan Pengurusan Trafik (TMP) akan dilaksanakan untuk memastikan gangguan aliran lalu lintas diminimakan semasa tempoh pembinaan. TMP akan dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya (JKR) untuk kelulusan dalam masa terdekat ini.

TMP ini akan mengambil kira usaha-usaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas menjelang dan semasa pembinaan seperti berikut:

- (i) Melaksanakan jalan sehalu dan tempat letak kenderaan bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas terutama di kawasan tumpuan dari masa ke semasa;
- (ii) Melaksanakan jalan sehalu mengikut had masa di kawasan sekolah bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan;
- (iii) Melebarkan jalan dan membuang bahu jalan dengan tujuan mewujudkan tempat letak kenderaan di sepanjang jalan bagi mengelakkan perletakan kenderaan yang menghalang aliran lalu lintas;
- (iv) Menyusun semula aliran keluar masuk persimpangan dengan mengurangkan konflik lalu lintas bagi melancarkan pergerakan kenderaan; dan
- (v) Pelaksanaan *green wave* (gelombang hijau) dalam sistem lampu isyarat di beberapa lokasi *hotspot* seperti di zon-zon Perindustrian yang sesak sewaktu puncak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

8. Jelaskan projek yang akan dijalankan di Teluk Bayu, Teluk Kumbar.
- (a) Berapakah keluasan tanah yang akan digunakan untuk projek ini? Nyatakan secara terperinci.
 - (b) Adakah pengambilan tanah akan dilakukan untuk menjalankan projek ini?
 - (c) Adakah peniaga kecil yang terlibat akan mendapat pampasan? Jika ya, senaraikan cadangan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), projek di bawah PERDA yang akan dilaksanakan di Teluk Bayu, Teluk Kumbar adalah projek perumahan mampu milik di Lot 1050.
- (a) Keluasan tanah Lot 1050 yang akan digunakan oleh projek di bawah PERDA ini adalah sebanyak **24.76 ekar** dengan perincian berikut:

BIL	FASA	LUAS TAPAK (EKAR)
1.	Fasa 1	14.855
2.	Fasa 2: Kemajuan Masa Hadapan 1 (Kediaman)	5.102

3.	Fasa 3: Kemajuan Masa Hadapan 1 (Perniagaan)	4.803
	JUMLAH KELUASAN (EKAR)	24.76

- (b) Tidak melibatkan pengambilan tanah untuk menjalankan projek di bawah PERDA ini.
- (c) Pemaju telah membina stor-stor penjaja untuk menempatkan peniaga kecil. Selain itu, pemaju juga telah memberikan penempatan semula dan wang sagu hati tunai kepada peniaga kecil tanpa izin yang terletak di dalam tapak cadangan projek.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

9. Program menokhtahkan miskin tegar (eKasih).
- (a) Berapakah jumlah penerima bantuan eKasih di Daerah Barat Daya (DBD)?
 - (b) Berapakah jumlah penambahan penerima pada tahun 2024?
 - (c) Senaraikan nama penerima di DBD.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Sistem eKasih merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang menjadi rujukan tunggal dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) merupakan pemilik kompetensi kepada sistem tersebut. ICU, JPM bukanlah agensi pemberi bantuan, sebaliknya hanya bertindak sebagai agensi yang membekalkan data kemiskinan kepada jabatan/agensi pemberi bantuan. Justeru, tiada sebarang bantuan yang dinamakan bantuan eKasih yang direkodkan oleh pihak ICU, JPM.

Namun begitu, jabatan/agensi pemberi bantuan yang menyalurkan bantuan adalah bertanggungjawab untuk memasukkan perincian bantuan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) di dalam sistem eKasih bagi tujuan rekod. Antara program-program bantuan Kerajaan Negeri yang boleh dikemaskini di dalam sistem eKasih adalah Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES), bantuan zakat, bantuan di bawah Pejabat

Daerah dan sebagainya.

Berdasarkan data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan penerima bantuan JKM bagi Daerah Barat Daya adalah berjumlah **2,535 orang** setakat November 2024.

- (b) Bilangan penerima bantuan JKM pada tahun 2023 adalah seramai **2,593 orang**. Oleh yang demikian, statistik semasa tahun 2024 menunjukkan penerima bantuan JKM telah berkurang sebanyak **58 orang** berbanding tahun 2023.
- (c) Senarai nama penerima bantuan di Daerah Barat Daya boleh dirujuk kepada jabatan/agensi berkaitan berdasarkan jenis bantuan yang ditawarkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

10. Mengapakah bayaran *ex gratia* hanya melibatkan nelayan tahap 1 dan 2 sahaja?
- (a) Kemukakan kawasan tahap 1 dan tahap 2.
 - (b) Senaraikan nama penerima pampasan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri telah melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dengan melibatkan nelayan yang terkesan, jabatan/agensi kerajaan termasuk Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang serta Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan dan unit-unit nelayan. Sesi libat urus ini telah diadakan sejak cadangan projek *Penang South Reclamation* (PSR) diperkenalkan pada tahun 2015. Sesi bengkel berkaitan pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) juga turut diadakan pada 7 Ogos 2020 bagi memperhalusi langkah-langkah mitigasi dan pakej SIMP yang dicadangkan.

Susulan daripada sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan bengkel SIMP yang telah diadakan, pakej SIMP telah dimuktamadkan dengan mengenal pasti empat (4) unit nelayan yang berhadapan dengan tapak PSR sebagai Tahap 1. Manakala, lima (5) unit nelayan lain yang tidak berhadapan dengan tapak PSR telah dikategorikan sebagai Tahap 2. Unit-unit nelayan lain tidak dilibatkan dalam pelaksanaan SIMP ini kerana lokasi mereka yang terletak jauh dari tapak PSR. Selain itu, nelayan dari kawasan luar tapak PSR ini

juga masih boleh menangkap ikan dengan pergerakan yang tidak terhalang. Pakej SIMP berkenaan seterusnya telah diumumkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri pada 20 Februari 2021.

- (a) Berdasarkan Skim SIMP yang telah dimuktamadkan, empat (4) unit nelayan Tahap 1 yang berhadapan dengan tapak projek dan terlibat secara langsung dengan projek pembangunan ini adalah Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul. Lima (5) unit nelayan lagi telah dikategorikan sebagai Tahap 2 iaitu unit yang terlibat secara tidak langsung. Unit-unit ini adalah Batu Maung, Teluk Tempoyak, Seri Jerjak, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burong.

Kuantum *ex-gratia* yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi pemilik vesel (tekong) dan awak-awak (pembantu) telah dimuktamadkan mengikut tahap dan kategori masing-masing seperti berikut:

	TAHAP 1	TAHAP 2
PEMILIK VESEL (TEKONG)	RM20,000.00	RM13,200.00
AWAK-AWAK (PEMBANTU)	RM12,960.00	RM5,400.00

Bayaran *ex-gratia* masih dibuat secara berperingkat kepada nelayan berdaftar SIMP di Tahap 1 dan Tahap 2. Sehingga tarikh tutup pendaftaran SIMP iaitu pada 31 Mac 2024 yang lalu, seramai 877 orang nelayan dari sembilan (9) unit nelayan di Tahap 1 dan Tahap 2 telah berdaftar dan layak menerima manfaat SIMP termasuk bayaran *ex-gratia*. Setakat 31 Oktober 2024, seramai 680 orang nelayan telah menerima bayaran penuh iaitu 100% manakala bakinya sedang diproses dan akan dibayar secara berperingkat setelah Kerajaan Negeri menerima dokumen yang lengkap.

- (b) Nelayan-nelayan yang menerima *ex-gratia* dikategorikan sebagai nelayan Tahap 1 iaitu dari unit Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul manakala Tahap 2 adalah nelayan dari unit Teluk Tempoyak, Batu Maung, Seri Jerejak, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

11. Monorel dari Air Itam ke KOMTAR dan Tanjung Bungah ke KOMTAR.
- (a) Bilakah projek ini akan bermula?
 - (b) Kemukakan pelan projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pada 2015, Kerajaan Negeri telah merangka Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang merangkumi strategi pengangkutan darat dan laut yang komprehensif, cekap dan bersepadu untuk kegunaan jangka masa panjang.

Di bawah PTMP, Kerajaan Negeri telah mencadangkan Laluan Ayer Itam dan Tanjung Tokong. Monorel merupakan salah sebuah sistem rel yang dicadangkan pada ketika itu.

Untuk membina sebuah rangkaian rel yang lengkap di Pulau Pinang, LRT Bayan Lepas yang kini dikenali sebagai LRT Laluan Mutiara berperanan sebagai tunjang (backbone) dan harus disambungkan dengan rangkaian lain. Oleh itu, Laluan Ayer Itam dan Tanjung Tokong perlu dihubungkan dengan rangkaian pengangkutan awam rel yang lebih komprehensif dan lengkap bagi manfaat lebih ramai penduduk.

- (a) Pelaksanaan Laluan Ayer Itam dan Tanjung Bungah masih di peringkat perancangan di mana komponen ini sememangnya akan dikaji semula mengikut keperluan semasa, setelah siapnya LRT Laluan Mutiara.
- (b) Kedua-dua laluan ini telah diperuntukkan koridor di bawah PTMP untuk sambungan ke laluan lain bagi keperluan masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

12. Isu anjing liar berkeliaran di kawasan kampung dan kedai makan.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah anjing liar yang mengganggu suasana dan keselamatan dalam kampung?
 - (b) Ancaman penyakit merbahaya yang mengganggu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menyelesaikan masalah anjing liar yang mengganggu suasana dan keselamatan adalah seperti berikut:
- (i) Menghantar anjing liar dan terbiar ke tempat perlindungan haiwan swasta (*shelter*);
 - (ii) Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara *International Aid for the Protection and Welfare of Animals* (IAPWA) dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 17 Ogos 2017;
 - (iii) Menjalankan operasi tangkapan susulan daripada aduan;

- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan komuniti dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) setempat bagi Program *T-Trap*, *N-Neuter*, *R-Release*, *M-Manage* & *CE-Community Engagement* (TNR-M & CE);
 - (v) Melaksanakan program pemandulan bersubsidi di klinik veterinar swasta di daerah Seberang Perai;
 - (vi) Memberikan kesedaran mengenai penjagaan haiwan dengan mengadakan Karnival Haiwan Seberang Perai yang melibatkan orang awam, agensi-agensi kerajaan, pihak universiti awam dan NGO; dan
 - (vii) Menjalinkan kerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi menjaga dan memerhati perangkap anjing yang dipasang di kawasan yang sukar dicapai atau diuruskan.
- (b) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Veterinar Malaysia dalam mengawal ancaman penyakit berbahaya yang mengganggu seperti penyakit rabies adalah seperti berikut:
- (i) Anjing liar dan terbiar yang ditangkap akan divaksinasi dengan suntikan antirabies;
 - (ii) Haiwan yang berisiko dijangkiti rabies akan dipantau melalui program pengawasan atau pengambilan sampel untuk ujian penyakit rabies, kawalan populasi haiwan berkeliaran, kuarantin haiwan masuk ke kawasan penampungan dan semua anjing yang bertuan wajib divaksinasi dengan suntikan antirabies serta mesti dimandulkan;
 - (iii) Menjalankan siasatan bagi kes gigitan dan disyaki rabies melalui aduan yang diterima dari Jabatan Kesihatan Negeri atau orang awam;
 - (iv) Haiwan bertuan yang telah disyaki dijangkiti penyakit rabies ini akan dikuarantin bagi menjalankan pemeriksaan tanda-tanda klinikal penyakit rabies;

- (v) Melaksanakan Kempen Kesedaran Penyakit Rabies bagi memberi kesedaran kepada orang awam berkaitan penyakit ini;
- (vi) Melaksanakan Kempen Penvaksinan Penyakit Rabies kepada pemilik anjing melalui hebahan di media sosial, jemputan ke program anjuran pelbagai agensi dan pihak swasta seperti di *Pet Carnival* dan pameran serta ceramah di sekolah-sekolah;
- (vii) Menjalankan pengawalan pengimportan dan pengeksporan haiwan berisiko dijangkiti penyakit rabies terutamanya anjing dan kucing. Haiwan yang ingin dipindahkan perlulah mematuhi syarat import dan eksport yang ditetapkan; dan
- (viii) Melakukan latihan simulasi penyakit rabies bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan jabatan dan agensi berkaitan dalam menguruskan wabak penyakit rabies.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

13. Apakah motif dan tujuan kapal perang China berlabuh di Pulau Pinang pada 6 September 2024?
- (a) Nyatakan secara jelas atur cara sepanjang kehadiran mereka di Pulau Pinang.
 - (b) Adakah mempunyai perjanjian yang perlu atau telah dipersetujui?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Hasil semakan mendapati tiada kapal perang milik negara China yang berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang pada 6 September 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

14. *Vape mushrooms* mengancam masa depan rakyat Malaysia.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani gejala *vape mushrooms* ini dalam kalangan pelajar sekolah?
 - (b) Senaraikan tangkapan yang telah dibuat mengikut daerah dan apakah hukuman yang dikenakan?
 - (c) Apakah pelan tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. *Vape mushrooms* telah terbukti mempunyai dadah sintetik yang dapat membawa kepada kematian.
- (a) Antara tindakan yang diambil bagi menangani pengambilan *vape mushrooms* di kalangan pelajar sekolah adalah dengan operasi / tangkapan yang lebih giat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 ke atas pengedar-pengedar. Selain itu, program kesedaran melalui ceramah dan kempen di peringkat Sekolah Menengah dan Rendah sentiasa dilaksanakan bagi tujuan memberikan kesedaran tentang bahaya penggunaan *vape* oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

- (b) Bilangan tangkapan yang telah dibuat bagi kesalahan penggunaan *vape mushrooms* di sekolah-sekolah adalah sebanyak 33 kes dan data yang terperinci adalah seperti berikut:

Daerah	Tangkapan	Kes	Status
Timur Laut	14	14	Dalam Siasatan
Seberang Perai Utara	0	0	-
Seberang Perai Selatan	4	9	Dalam Siasatan
Seberang Perai Tengah	1	1	Dalam Siasatan
Barat Daya	4	9	Dalam Siasatan
Jumlah	22	33	

- (c) Sebagai usaha untuk mengekang isu tersebut khasnya penggunaan *vape* di kalangan pelajar, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] telah pun dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024 untuk menghadkan akses kepada produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, khususnya golongan belia dan remaja. Selain daripada itu, tindakan-tindakan berikut telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu *vape*:
- (i) Melaksanakan operasi berkala ke atas pengedar-pengedar *vape*;
 - (ii) Menjalankan operasi Ops Tapis di peringkat kontinjen dan daerah;
 - (iii) Merancang operasi terancang ke atas pengedar dan pembekal *vape*; dan
 - (iv) Meningkatkan kualiti risikan maklumat untuk mengenal pasti pengedar dan menjalankan operasi ke atas pengedar dan pembekal *vape*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

15. Projek paip air di Flat Lily Balik Pulau.
- (a) Nyatakan secara jelas berkaitan projek ini dan bilakah projek ini dijangka siap?
 - (b) Apakah penyelesaian yang bakal terjadi selepas projek ini siap?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyediakan inisiatif peruntukan sebanyak RM2 juta secara CSR kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang. Pemohon boleh membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan tersebut berdasarkan kelulusan Lembaga Perumahan Pulau Pinang termasuk Flat Lily Balik Pulau. Selain daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh PBAPP, *Joint Management Body* (JMB) atau *Management Committee* (MC) di bawah pengurusan flat tersebut juga perlu mengambil tindakan menyediakan tangki sedutan di flat tersebut untuk mengurangkan isu tekanan air kerana perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab pengurusan flat. Manakala bagi pelan tindakan jangka masa panjang, pihak PBAPP merancang untuk membina tangki air di Bukit Penara dengan anggaran kos projek sebanyak RM31 juta dan projek tersebut masih di peringkat reka bentuk dan pengambilan balik tanah. Projek ini dijangka siap pada tahun 2027.

- (b) Sekiranya pembinaan projek tangki air di Bukit Penara tersebut siap dibina, ianya akan memberi penyelesaian kepada isu bekalan air di sebahagian Daerah Balik Pulau yang terlibat termasuk kepada pengguna Flat Lily. Selain itu, pihak JMB dan MC juga perlu memastikan tangki sedutan dibina secepat mungkin untuk mengurangkan isu tekanan air kepada pengguna flat tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

16. Pencapaian kontinjen Pulau Pinang dalam Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024.
- (a) Adakah prestasi atlet mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN)?
 - (b) Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah berjaya memenangi sebanyak 41 pingat emas, 45 pingat perak dan 53 pingat gangsa mengatasi sasaran 40 butir pingat emas yang disasarkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Melalui pencapaian ini, ianya telah meletakkan kontinjen Negeri Pulau Pinang di kedudukan ke-4 daripada 15 negeri yang mengambil bahagian. Selain itu, atlet Pulau Pinang turut berjaya memperbaharui 3 rekod baharu SUKMA dalam acara renang dan olahraga serta berjaya muncul sebagai juara keseluruhan dalam acara sukan tinju, judo, catur dan gimnastik artistik.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MSNPP telah memperuntukkan sejumlah **RM3,901,100.00** bagi kontinjen Negeri Pulau Pinang ke SUKMA XXI Sarawak yang merangkumi kos penerbangan ke Sarawak, pengangkutan,

logistik, penginapan, program latihan atlet,
kemudahan peralatan sukan dan lain-lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

17. Program pembangunan akar umbi bagi sukan bola sepak.
- (a) Senaraikan program yang telah dianjurkan oleh kerajaan.
 - (b) Apakah pencapaian yang telah dicapai?
 - (c) Senaraikan kelab-kelab bola sepak pembangunan akar umbi yang berdaftar di Pulau Pinang.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Berikut merupakan program yang telah dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) yang merupakan ahli gabungan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) pada tahun 2024:
- (i) Kursus Kejurulatihan Akar Umbi *Football Association of Malaysia* (FAM) yang dijalankan pada 19 hingga 21 April 2024;
 - (ii) Pertandingan *Street Soccer* Karnival Madani Rakyat yang berlangsung pada 4 Mei 2024;
 - (iii) Kursus Kejurulatihan Akar Umbi FAM yang dijalankan pada 25 hingga 27 Oktober 2024; dan
 - (iv) Sokongan teknikal kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang menganjurkan Pertandingan Bola Sepak Antara Jabatan USM 2024.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut menganjurkan beberapa program lain, antaranya:

- (i) Forum Hala Tuju Bola Sepak Penang FC;
 - (ii) Klinik Bola Sepak anjuran bersama MSNPP;
 - (iii) Program Sukan Untuk Semua: Klinik Bola Sepak dan Interaksi Secara Maya; dan
 - (iv) Liga Junior Penang FC dengan kerjasama Akademi Bola Sepak Wira Muda.
- (b) Bagi pencapaian pembangunan sukan bola sepak tahun 2024 antaranya adalah:
- (i) Pasukan futsal lelaki telah memenangi tempat ketiga dalam Liga Divisyen 2 Malaysia *Premier Futsal League* 2024 dan tempat ke-4 Sukma Sarawak 2024; dan
 - (ii) Pencapaian Akademik Bola Sepak Wira Muda yang bekerjasama dengan Penang FC telah memenangi juara *Firras Global Cup 2023*, Naib Johan EV *Junior Super Cup Grand Final* dan Juara Kejohanan Piala Ahli Parlimen Nibong Tebal.
- (c) 61 buah kelab/persatuan bola sepak yang berdaftar dibawah FAP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SENARAI PERSATUAN BOLA SEPAK DI NEGERI PULAU PINANG.

SENARAI AHLI GABUNGAN PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG	
1	WAKIL DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (PERSATUAN BOLASEPAK NIBONG TEBAL)
2	WAKIL DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH (PERSATUAN BOLASEPAK BUKIT MERTAJAM)
3	PERSATUAN BOLASEPAK DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (BARU)
4	PERSATUAN BOLASEPAK DAERAH TIMUR LAUT (BARU)
5	PERSATUAN BOLASEPAK DAERAH BARAT DAYA
6	KELAB BOLASEPAK KAMPUNG RAWA (KAMPUNG RAWA FOOTBALL CLUB)
7	KELAB BOLASEPAK BAHAROL ALAM (2022)
8	BUKIT GELUGOR SPORT CLUB
9	KELAB BOLASEPAK PENANG PORT
10	KELAB SUKAN JELUTONG
11	KELAB BOLASEPAK TANJUNG BUNGAH RANGERS,PULAU PINANG
12	KELAB SUKAN MACALLUM
13	KELAB BOLASEPAK KG MAKAM
14	KELAB BOLA SEPAK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
15	KELAB SUKAN KAMPUNG MAKAM
16	KELAB BOLASEPAK SUNGAI GELUGOR
17	KELAB BOLASEPAK REMAJA PINANG (PINANG YOUTH SOCCER CLUB)
18	KELAB BOLASEPAK SUNGAI ARA
19	KELAB SUKAN BOLASEPAK TELUK BAHANG
20	KELAB SUKAN RIFLE RANGERS
21	KELAB REKREASI INPRO
22	KELAB BOLASEPAK CHINESE WANDERERS, GEORGETOWN
23	KELAB SUKAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
24	KELAB BOLASEPAK TELOK BAHANG (Z AFC)
25	KELAB BOLASEPAK KUMBAR
26	KELAB BOLA SEPAK PEARL OF ORIENT
27	RED KAMPUNG SERONOK FOOTBALL CLUB
28	KELAB BOLASEPAK TIMURAN
29	MUTIARA UNITED FOOTBALL CLUB
30	KELAB BOLASEPAK VASCO DA GAMA
31	KELAB BOLASEPAK RAMBLERS

32	KELAB BOLASEPAK SYNERGY(SYNERGY FOOTBALL CLUB)
33	KELAB BOLASEPAK PANTHERS UNITED
34	KELAB BOLASEPAK BATU FERRINGHI
35	KELAB BOLASEPAK HOSPITAL PULAU PINANG
36	ANCHOVIES
37	PADANG POLO SPORTS RECREATION CLUB
38	KELAB BOLASEPAK KAMPUNG DODOL TOUR
39	BUTTERWORTH RANGERS FOOTBALL CLUB
40	SMART FC
41	PRAI ROVERS FC (KELAB BOLA SEPAK PRAI ROVERS)
SENARAI AHLI BERSEKUTU PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG	
1	KELAB SUKAN DAN REKREASI SURIA
2	KELAB REKREASI CINA PULAU PINANG
3	KELAB GELUGOR
4	KELAB SUKAN DAN KEBAIKIAN PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, PULAU PINANG
5	KELAB BELIA ASPIRASI KONGSI
6	KELAB BOLASEPAK PERDA YOUNGBOY
7	KELAB SUKAN DAN REKREASI PERUBATAN
8	PENANG FOOTBALL CLUB
9	KELAB BOLASEPAK BUKIT TAMBUN
10	PERSATUAN BOLASEPAK MELAYU PULAU PINANG
11	PERSATUAN BOLASEPAK CINA PULAU PINANG
12	PERSATUAN BOLASEPAK INDIA PULAU PINANG
SENARAI AKADEMI BOLA SEPAK DIBAWAH NAUNGAN PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG	
1	AKADEMI WIRA MUDA
2	AKADEMI PENANG PANTHER
3	AKADEMI IMPIAN KEMBARA
4	AKADEMI JIMKANA
5	AKADEMI S.P.T INDIAN
6	AKADEMI CILIK JUNIOR
7	AKADEMI MENGKUANG RAPTORS
8	AKADEMI S.B FC

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

18. Warisan di Negeri Pulau Pinang.

- (a) Senaraikan program dan aktiviti yang telah dianjurkan oleh kerajaan yang melibatkan seni warisan semua kaum di Pulau Pinang.
- (b) Apakah perancangan yang telah disusun oleh kerajaan dalam tempoh terdekat?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Senarai program dan aktiviti yang telah dianjurkan oleh kerajaan yang melibatkan seni warisan semua kaum di Pulau Pinang adalah seperti **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) akan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang memaparkan seni kebudayaan dan warisan seperti Pesta Chingay (28 December 2024), Perayaan Pai Thee Kong 2025 (5 Februari 2025), Perayaan Warisan George Town 2025 (Julai 2025) dan *George Town Festival 2025*.

Majlis Bandaraya Seberang Perai pula akan menganjurkan Pesta Pantai yang dijadualkan pada penghujung Disember 2024 sebagai acara penutup penganjuran program tahun 2024.

Selain itu, Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri akan menganjurkan Forum Warisan Negeri, yang merupakan

program tahunan akan dikendalikan secara berterusan bagi memupuk kesedaran dan memberi pemahaman kepada orang ramai berhubung pemuliharaan dan pemeliharaan warisan.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri juga telah membuka pencalonan bagi mana-mana tapak warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara atau tapak warisan semula jadi sebagai Warisan Negeri di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

Senarai Program Kesenian Pelbagai Kaum Tahun 2024

Tarikh	Aktiviti / Program
Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang	
5 hingga 14 Julai 2024	Pameran Boria sempena Festival Kraf Pulau Pinang 2024
29 Oktober 2024	Forum Warisan Pulau Pinang Siri 6 Arkeologi Guar Kepah-Kajian Terkini dan Sumbangannya kepada Zaman Prasejarah Pulau Pinang
14 November 2024	Forum Warisan Pulau Pinang Siri 7 <i>Safeguarding Intangible Cultural Heritage</i>
George Town World Heritage Incorporated	
Februari-Jun 2024	Beauty in Saree - Learn Indian Culture through Saree Tying
7 April 2024	Nagarathar Traditional and New Year Celebration
27 April 2024	Nyonya Kebaya Sulaman Workshop
27 April 2024	St. George's Carnival Day
4 Mei 2024	George Town Heritage Night Storytelling
7 Julai 2024	Revitalisation of German Community History via Renewal of Interpretation Signboards of the German Heritage Trail in George Town
7 Julai 2024	Chinese Tea cultural talk and workshop (Kungfu Tea)
30 Oktober 2024	Diwali - Fiesta of Lights
5-14 Julai 2024	Penang Craft Festival 2024
12-14 Julai 2024	Boria Festival
13 Julai-11 Ogos 2024	Negaraku: A Collector's Show
14-28 Julai 2024	Material.Quality. Aggregation
14-28 Julai 2024	DEJA VU
15-28 Julai 2024	USM Fine Arts Showcase: Voyage of Discovery
17 Julai 2024	A New Aesthetic Approach to Jingju Talk & Demonstration I: Role Types and Their Skills and Canons

Tarikh	Aktiviti / Program
18, 19 & 21 Julai 2024	Chacko Vadaketh: Songs & Stories
19 Julai 2024	Romancing Penang
19 Julai 2024	Asian Producers' Platform (APP) X GTF Open Forum: Why Festival Forum
19 Julai 2024	A New Aesthetic Approach to Jingju Talk & Demonstration II: Exploring Female Consciousness
19-21 Julai 2024	Preserving Memories
19-21 Julai 2024	Double Bill of Jingju Magic
19-21 Julai 2024	House of Mask & Mime
19-21 & 26-28 Julai 2024	Pengalaman Prangin
19-21 & 26-28 Julai 2024	Journal of Her House
19 & 21 Julai 2024	Switchblade Op: A World in the City
19 & 21 Julai 2024	Plant/Human Duo
19-28 Julai 2024	Miniature Public Art: Cement Eclipses
19-28 Julai 2024	Miniature Public Art: Declining Artisans
19-28 Julai 2024	Miniature Public Art: A Piece or Two of Life's Bustle
19-28 Julai 2024	Shadow Sculptures
19-28 Julai 2024	Living Machines
19-28 Julai 2024	The Moments
19-28 Julai 2024	rehat
19-28 Julai 2024	Nigel Sense "Kopi Jackfruit Monkey"
19-28 Julai 2024	Jalan Balik: A Journey to Identity
19-28 Julai 2024	Here & Now Art Exhibition
19-28 Julai 2024	Ban Ban Kia: Penang Shop Signs
19-28 Julai 2024	Artisan
19-28 Julai 2024	Same Same But Different
19-28 Julai 2024	Young Arts Programme

Tarikh	Aktiviti / Program
19-28 Julai 2024	Alive Thru Every Click - George Town Loma Wall
19-28 Julai 2024	Artistic Synergy: A Student and Lecturer Exhibition
19 Julai-17 Ogos 2024	Journeying Through Malaysian Art, Imagination and Legacy
19 Julai-19 Ogos 2024	More Men (and a Woman) with Plants
20 & 27 Julai 2024	Free Lunchtime Organ Recital
20-21 & 27-28 Julai 2024	The Story of My Wedding
20-21 & 27-28 Julai 2024	Sortilegio
20-21 & 27-28 Julai 2024	Yam Seng Lah!
20-21 Julai 2024	Penang Digital Creative Week Showcasing
20-21 Julai 2024	Asian Board Games Festival
20-21 Julai 2024	Roundtable Discussion: The Penang Art Ecosystem
20-21 & 27-28 Julai 2024	JOURNAL Creative Market
21 Julai 2024	Real-Time Unconventional Instrument Workshop
21 Julai 2024	PEON
21 Julai 2024	C.O.R.E. Homegrown Concerts: Cultural
21 Julai 2024	C.O.R.E. Homegrown Concerts: Omni
21 Julai 2024	Festival Parade: Giant Puppet Community Project
21 Julai 2024	Open Mic Stage: Be Bold, Be Brave, Be Heard!
21-24 Julai 2024	Close To You Festival @ GTF: A Suitcase of Taipei
21-24 & 27 Julai 2024	Close To You Festival @ GTF: Hiss and Ari
22 Julai 2024	CloudJoi Connect Ep.4: Seeing Beyond the Curtain
22-25 Julai 2024	The Greatness of the Miniature: A Lambe Lambe Theatre Workshop
23 Julai 2024	An Extraordinary Journey in Everyday Spaces: A Close to You Festival
25 Julai 2024	The Dye(ing) Resistant Process: A Preview Into Dato Tay Mo Leong

Tarikh	Aktiviti / Program
25 Julai 2024	Theatre and (the process of) Democracy
26 Julai 2024	Show me the money! Expectations of a Producer
26-28 Julai 2024	AlleArmi
26-28 Julai 2024	They All Die at the End
26-28 Julai 2024	/// 1 0 II / One Zero
26-28 Julai 2024	C.O.R.E. Homegrown Concerts: Erratic
26-28 Julai 2024	Hand in Glove: A Contemporary Puppetry Workshop
26-27 Julai 2024	Experimental @the Courtyard
27 Julai 2024	TAIPEI corners in PENANG
27 Julai 2024	Southeast Asian Choreolab
27 Julai 2024	#penangonebetter Stand-Up Comedy
27 Julai 2024	C.O.R.E. Homegrown Concerts: Radiant
27-28 Julai 2024	Dancing in Place
27-28 Julai 2024	Je m'evanouis
27 Julai 2024	Introductory Workshop of Innercise
27 Julai 2024	Open Mic Stage: Be Bold, Be Brave, Be Heard!
28 Julai 2024	Exploring Self-Care through the Alexander Technique
28 Julai 2024	From This Moment On, Reading the Island: A Book Sharing
28 Julai 2024	Connecting Cities, Countrysides, and Islands: A Documentary on Taiwan's Outlying Islands
1 Jun-18 Ogos 2024	It depends...
11 Jun-16 Ogos 2024	USM Fine Arts Showcase: Voyage of Discovery
3-28 Julai 2024	As Light As Shadow II: King Ban Hui Illustration Exhibition
3-4 Ogos 2024	Convergence
10 Ogos 2024	Sikh Culture, Traditions and Beliefs
10 Ogos 2024	Ayyappan Rituals and Traditions
17 Ogos 2024	Penang Eurasian Fiesta

Tarikh	Aktiviti / Program
1 September 2024	Eye Wear Interactive Programme
27 Oktober 2024	Pameran Warisan Kebudayaan India Muslim
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	
23 Mac 2024	Kelas Seni Khat
21 April 2024	Bengkel Batik
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	
14-15 September 2024	Butterworth Fringe Festival
21-22 September 2024	Sambutan Hari Warisan Seberang Perai
20-21 Januari 2024	Nibong Tebal Festival
2 Februari 2024	Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia
Sepanjang 2024	Sesi <i>Walkabout</i> Makanan Traditional

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

19. Banjir kilat di Bayan Baru.

- (a) Apakah punca berlakunya banjir ini dan langkah penyelesaian yang telah diambil oleh kerajaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Banjir kilat di Bayan Baru.

- (a) Punca berlakunya banjir kilat di Bayan Baru adalah seperti berikut:
- (i) Hujan yang lebat melebihi 60 milimeter (mm) di kawasan setempat;
 - (ii) Sistem perparitan sedia ada yang tidak dapat menampung kapasiti air yang tinggi; dan
 - (iii) Pertembungan air laut pasang ketika hujan lebat menyebabkan berlakunya kejadian banjir.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melaksanakan beberapa mitigasi jangka pendek di kawasan tersebut bagi mengatasi masalah banjir seperti berikut:

- (i) Memasang dua (2) unit pam bergerak hidraulik di longkang berhampiran Sungai Relau bagi membantu mempercepatkan pengaliran air ke longkang pengumpul dari kawasan pembangunan sekitar Jalan Persiaran Mahsuri ke Sungai Relau;
- (ii) Memasang tiga (3) struktur kawalan bagi melencongkan dan melancarkan pengaliran air daripada kawasan pembangunan tersebut ke Sungai Relau supaya tiada kejadian aliran balik (backflow) sungai;
- (iii) Memasang satu (1) unit pam bergerak hidraulik dan satu (1) unit pam penyebuan sendiri mudah alih (self-priming mobile pump) di Rumah Pam Taman Iping 1 sebagai sokongan kepada pam skru yang beroperasi di Taman Iping; dan
- (iv) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

Selain itu, JPSPP juga akan melaksanakan beberapa projek tebatan banjir sebagai mitigasi penyelesaian jangka panjang di Bayan Baru iaitu:

- (i) Rancangan tebatan banjir di sekitar kawasan Bayan Baru yang dijangka akan ditender pada 2025; dan
- (ii) Projek pembinaan Kolam Takungan di Taman Lintang Nibong di bawah *Penang Nature-Based Climate Adaptation Programme* (PNBCAP) yang dijangka akan bermula pada bulan Disember 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

20. Kes pemalsuan kad pengenalan.

- (a) Berapakah tangkapan pemalsuan kad pengenalan dari tahun 2020 hingga 2023?
- (b) Apakah langkah penyelesaian oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. (a) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang, tangkapan kes pemalsuan Kad Pengenalan dari tahun 2020 sehingga 2023 adalah satu (1) kes sahaja iaitu pada tahun 2022 melibatkan tangkapan seorang (1) lelaki melayu.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Pulau Pinang sehingga 1 November 2024, semua tangkapan adalah melibatkan kesalahan di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (memiliki Kad Pengenalan orang lain/ memiliki Kad Pengenalan palsu) di Negeri Pulau Pinang serta kesalahan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang lain dan Seksyen 36 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (pelbagai kesalahan termasuk memberikan maklumat palsu sewaktu mendaftarkan kelahiran atau kematian).

Peraturan 25(1)(e) Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007), tanpa kuasa yang sah memiliki apa-apa dokumen

pengenalannya selain daripada kepunyaannya yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan ini. Jika disabitkan boleh dipenjarakan maksimum tiga tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari tahun 2020 hingga 1 November 2024, sebanyak 106 tangkapan telah dilakukan terhadap individu atas pelbagai kesalahan. Dari jumlah berkenaan, 94 individu telah dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah majistret seluruh Malaysia, manakala selebihnya diserahkan kepada pihak berkuasa lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan selanjutnya. Jadual di bawah adalah merupakan statistik tangkapan dan pendakwaan bagi tempoh lima (5) tahun.

STATISTIK TANGKAPAN DALAM TEMPOH 5 TAHUN (2020 - 2024)					
BULAN	2020	2021	2022	2023	2024
JANUARI	4	0	0	7	1
FEBRUARI	0	0	3	0	0
MAC	0	2	3	0	5
APRIL	0	4	4	0	3
MEI	0	1	3	4	2
JUN	0	3	2	0	1
JULAI	0	1	0	0	4
OGOS	0	1	1	2	2
SEPTEMBER	2	1	1	0	1
OKTOBER	1	1	2	3	8
NOVEMBER	8	4	1	3	0
DISEMBER	0	7	0	0	0
JUMLAH	15	25	20	19	27

***Tahun 2024: Data adalah sehingga 1 November 2024**

***Tahun 2020 - 5 pendakwaan di bawah PPN 1990 dan melibatkan sebanyak 5 individu dan 10 pertuduhan**

STATISTIK PENDAKWAAN DALAM TEMPOH 4 TAHUN (2021-2024)				
TAHUN / PERATURAN & AKTA	2021		2022	
	JUMLAH PENDAKWAAN (INDIVIDU)	JUMLAH PERTUDUHAN (KES)	JUMLAH PENDAKWAAN (INDIVIDU)	JUMLAH PERTUDUHAN (KES)
AKTA 299	5	8	7	7
PPN 1990	20	27	14	14
JUMLAH	25	35	21	21

STATISTIK PENDAKWAAN DALAM TEMPOH 4 TAHUN (2021-2024)				
TAHUN / PERATURAN & AKTA	2023		2024	
	JUMLAH PENDAKWAAN (INDIVIDU)	JUMLAH PERTUDUHAN (KES)	JUMLAH PENDAKWAAN (INDIVIDU)	JUMLAH PERTUDUHAN (KES)
AKTA 299	0	0	12	12
PPN 1990	19	21	14	17
JUMLAH	19	21	26	29

***Tahun 2024 - Data adalah sehingga 1 November 2024**

- (b) Pemalsuan kad pengenalan merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Kesalahan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali. Pihak JPN memandang serius berkenaan kesalahan ini, dan tindakan penguatkuasaan telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan sehingga ke peringkat pendakwaan untuk memastikan perkara ini dapat dibendung serta menjadi pengajaran kepada masyarakat.

JPN Negeri Pulau Pinang sentiasa peka dan komited untuk membanteras penyelewengan dokumen jabatan. Oleh yang demikian, aktiviti penguatkuasaan telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu 2020 hingga 1 November 2024 sebanyak 172 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan melibatkan pelbagai kesalahan penyelewengan dokumen jabatan. Berikut adalah pecahan operasi bagi tempoh 2020-2024:

STATISTIK OPERASI DALAM TEMPOH 5 TAHUN (2020 - 2024)					
BULAN	2020	2021	2022	2023	2024
JANUARI	0	0	4	7	4
FEBRUARI	1	0	3	3	2
MAC	0	1	5	0	10
APRIL	0	4	5	0	3
MEI	0	2	4	3	7
JUN	0	1	4	0	4
JULAI	0	2	1	0	10
OGOS	0	1	10	2	8
SEPTEMBER	6	1	3	0	7
OKTOBER	3	2	3	4	16
NOVEMBER	1	3	2	3	0
DISEMBER	0	5	0	2	0
JUMLAH	11	22	44	24	71

***Tahun 2024: Data adalah sehingga 1 November 2024**

Sekiranya masyarakat awam mempunyai maklumat berhubung penyalahgunaan dokumen pengenalan diri dan sebagainya, mereka boleh merujuk kepada Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan JPN Negeri Pulau Pinang untuk tindakan selanjutnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

21. Nyatakan bilangan pelajar yang mengambil bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di sekolah-sekolah Pulau Pinang dari tahun 2020 ehingga kini.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam merencanakan penglibatan murid ke dalam bidang ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Bilangan pelajar yang mengambil bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di sekolah-sekolah Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Demi merencanakan penglibatan murid dalam bidang STEM, pendedahan terhadap kerjaya-kerjaya profesional melalui lawatan sambil belajar di alam pekerjaan sebenar sektor industri, penganjuran program motivasi dan *career talk* dalam bidang STEM adalah dititikberatkan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri melalui Penang Science Cluster (PSC) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Universiti Sains Malaysia (USM) dan National Instruments (NI Malaysia) telah mendedahkan para pelajar terhadap kerjaya STEM dan bidang kejuruteraan komputer melalui lawatan industri dan perkongsian kejuruteraan oleh jurutera-jurutera pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui agensi seperti Penang STEM, PSC dan Tech Dome Penang sentiasa berterusan mencari jalan terbaik bagi membangunkan modal insan

berpengetahuan dan berkemahiran agar para pelajar meminati dan seterusnya menyertai aliran STEM. Fokus utama adalah bagi melahirkan bakat STEM yang mampu beradaptasi dan memenuhi keperluan masa hadapan. Beberapa strategi dan langkah proaktif dilaksanakan dalam usaha meningkatkan minat dan peratusan penyertaan pelajar dalam bidang STEM. Antara strategi dan langkah proaktif tersebut adalah:

- (i) Meningkatkan kualiti program akademik dan latihan STEM;
- (ii) Memastikan hasil pembelajaran yang lebih bermakna, memanfaatkan teknologi baharu dan memperkukuh tadbir urus;
- (iii) Pendekatan teknik pembelajaran baharu di samping pengukuhan kurikulum sedia ada dan menambah baik kemahiran dan kebolehan guru STEM;
- (iv) Meningkatkan kesedaran tentang STEM dalam kalangan pelajar, ibu bapa serta orang awam dengan mengadakan program yang signifikan seperti Karnival Mega STEM/TVET 2024; dan
- (v) Penekanan terhadap kursus berteknologi tinggi melalui Penang Skill Development Centre (PSDC) yang bersesuaian dengan permintaan pasaran industri dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Kesemua inisiatif ini adalah dirancang dan dilaksanakan untuk menarik minat pelajar dalam bidang STEM, selari dengan pengisian terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mampu menyediakan pekerja separuh mahir dan mahir menjelang tahun 2026 di mana memerlukan sebanyak 5,000 orang pekerja setiap tahun di Pulau Pinang.

BILANGAN PELAJAR MENGAMBIL BIDANG SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM) DI SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 SEHINGGA KINI

Perkara / Tahun	2020	2021	2022	2023	2024
Bilangan pelajar (orang)	7,753	8,418	5,996	9,642	9,772
Peratusan (%)	46.58	49.25	38.85	51.82	52.89

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

22. Pembangunan *hub* digital di Balik Pulau.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk membangunkan *hub* digital atau inkubator teknologi di kawasan Balik Pulau untuk menggalakkan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan digital?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Bagi menggalakkan penyertaan belia dalam keusahawanan digital, Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menganjurkan program *Digitalisation of Penang Entrepreneurs* di Makerspace, Balik Pulau pada bulan Jun 2024. Program ini memberi pendedahan berkenaan peluang dan teknik untuk usahawan muda memasarkan perniagaan mereka.

Fasiliti seperti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Makerspace di Balik Pulau dapat dijadikan *hub* digital yang menyediakan latihan keusahawanan digital, bengkel teknologi serta sokongan inkubator untuk membantu belia memulakan dan mengembangkan perniagaan digital mereka.

Mulai suku pertama tahun 2025, Digital Penang merancang untuk memanfaatkan Pusat NADI di seluruh Pulau Pinang sebagai pusat pelaksanaan program digital berasaskan komuniti. Usaha ini bertujuan untuk memperkasakan lebih

ramai penduduk dengan kemahiran teknologi dan keusahawanan yang relevan dengan perkembangan semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

23. Inisiatif e-pembelajaran.

- (a) Apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah di DUN Pulau Betong terutamanya dalam situasi darurat seperti pandemik atau bencana alam?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri menggunakan sistem Pelantar DELIMa yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM).

Pelantar DELIMa yang merupakan satu contoh aplikasi *e-Learning* KPM yang boleh dimaksimumkan oleh semua murid dan guru Negeri Pulau Pinang termasuk di DUN Pulau Betong.

DELIMa (Digital Education Learning Initiative Malaysia) merupakan platform tunggal perkhidmatan sistem pengurusan pembelajaran serta sumber-sumber pembelajaran para pendidik dan pelajar untuk belajar secara dalam talian (*e-Learning*). Akses Portal DELIMa boleh dicapai menggunakan ID e-mel MOE Digital Learning (DL) DELIMa Guru dan Murid masing-masing yang boleh didapati oleh pentadbir DELIMa sekolah yang dilantik. Kelebihan ID DELIMa adalah terdapat pelbagai aplikasi pendidikan percuma.

Antara paparan Menu Utama bagi DELIMa mengandungi pautan berikut yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid dan guru:

- (i) *Ai Tools*;
- (ii) Buku Teks Digital;
- (iii) Pusat Sumber (Ruang Pembelajaran);
- (iv) Sumber Rujukan DBP;
- (v) *Google Apps*;
- (vi) *Microsoft Apps*;
- (vii) Rakan DELIMa;
- (viii) *Dashboard JPN/PPD*; dan
- (ix) *STEM Stimulation*.

DELIMa disokong oleh rakan strategik utama iaitu *Google for Education*, *Microsoft Education* dan *Apple Education*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

24. Peningkatan kemahiran digital untuk komuniti.

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan program peningkatan kemahiran digital bagi masyarakat dewasa di DUN Pulau Betong terutamanya dalam mengendalikan platform e-dagang atau aplikasi digital lain yang dapat membantu ekonomi tempatan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Sehingga kini, Digital Penang telah menganjurkan lebih daripada 600 kelas digital di seluruh negeri yang telah memberi manfaat kepada lebih 13,000 ahli komuniti sekali gus meningkatkan kemahiran digital penduduk Pulau Pinang. Sebagai kesinambungan kepada inisiatif ini, latihan peningkatan kemahiran digital untuk masyarakat dewasa akan diteruskan di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Pulau Betong. Pusat NADI menawarkan program-program khusus seperti klinik digital bagi kemahiran aplikasi digital harian dan latihan keusahawanan digital. Usaha ini bertujuan untuk memperkasakan komuniti dengan kemahiran digital yang bersesuaian untuk era digital, membantu mereka beradaptasi dan berkembang dalam pelbagai aspek kehidupan dan perniagaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

25. Apakah perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan oleh kerajaan dalam masa terdekat ini?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Program-program bantuan Kerajaan Negeri seperti Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES), bayaran penghargaan i-Sejahtera, program Mutiara Food Bank, subsidi dialisis, elaun penarik beca dan sebagainya masih diteruskan disamping bantuan-bantuan daripada Kerajaan Pusat. Antara perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan oleh Kerajaan Pusat dalam masa terdekat adalah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama pelbagai pihak. Matlamat utama BMTKM adalah bagi mencapai sasaran kemiskinan tegar sifar pada penghujung tahun 2025 dengan pendekatan baharu yang holistik. Pendekatan baharu BMTKM dalam menangani kemiskinan tegar di Malaysia adalah melalui:

- (a) pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*);
- (b) pendekatan dari bawah ke atas (*local problem, local solution*);
dan
- (c) penyelesaian kemiskinan secara bersasar dan bukannya bersifat *one size fits all*.

Pelaksanaan BMTKM melibatkan penyertaan pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah serta kerjasama strategik bersama pelbagai pihak. Ini termasuk penyertaan pelbagai kementerian dan agensi pelaksana, pentadbiran kerajaan negeri dan

daerah, universiti awam (UA), sektor swasta dan industri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO).

BMTKM akan menggunakan pendekatan kumpulan sasaran berasaskan isi rumah, komuniti atau hibrid. Selanjutnya, BMTKM akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti penjana pendapatan, pembangunan kapasiti dan kapabiliti serta minda yang sesuai berdasarkan potensi lokaliti serta profil peserta BMTKM. Secara amnya, program dan inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Penjana pendapatan
 - (i) Bantuan/Insentif pertanian, penternakan, perikanan pelancongan, perkhidmatan.
- (b) Peningkatan kapasiti/modal insan
 - (i) Pembangunan Modal Insan dan Minda; dan Latihan Kemahiran dan TVET.
- (c) Pembangunan keusahawanan
 - (i) Latihan dan bimbingan keusahawanan;
 - (ii) Bantuan modal permulaan perniagaan;
 - (iii) Bantuan peralatan dan mesin;
 - (iv) Pembungkusan, pelabelan dan pensijilan; dan
 - (v) Bantuan peralatan dan mesin.
- (d) Peluang pekerjaan
 - (i) Penyediaan pekerjaan.
- (e) Pemasaran
 - (i) Pembangunan pusat pengumpulan produk;

- (ii) Pemasaran; dan
- (iii) Pendigitalan.

Selain itu, Kerajaan akan beralih kepada pengukuran kemiskinan lebih bermakna berdasarkan konsep Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI) sebagai asas dalam mengenal pasti kumpulan sasaran untuk pemberian bantuan. Konsep NDI akan mengurangkan ralat keciciran di samping bersifat lebih adil, dan ia akan mengambil kira Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) yang merujuk kepada kos keperluan hidup untuk menjalani kehidupan bermaruah dan bermakna.

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan program yang dilaksanakan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin di bandar, meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup keluarga miskin di bandar demi kesejahteraan komuniti dalam konteks kemakmuran bersama. Kumpulan sasaran PPKB adalah terdiri daripada isi rumah dari golongan B40 yang berstatus warganegara dan status kemiskinan yang telah disahkan dalam Sistem eKasih atau Mesyuarat *Focus Group* Mengenai Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri. Antara program-program di bawah PPKB adalah seperti:

- (a) Program baik pulih rumah daif di bandar;
- (b) Projek Perumahan Sejahtera; dan
- (c) Projek Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

26. Apakah insentif yang telah disediakan oleh kerajaan kepada peniaga-peniaga kecil dan peniaga mikro yang akan memulakan perniagaan?

(a) Senaraikan tapak niaga yang disediakan di Balik Pulau.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menawarkan 2 skim mikrokredit seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peniaga dan penjaja kecil. Terdapat dua (2) skim pinjaman yang ditawarkan oleh SPH.

PERKARA	SKIM 1	SKIM 2
JUMLAH PINJAMAN	RM5,000.00 sehingga RM25,000.00	RM26,000.00 sehingga RM50,000.00
TEMPOH PINJAMAN	50 – 200 minggu	12 – 48 bulan
KADAR CAJ PENGURUSAN	4% setahun (Caj Pengurusan akan dikenakan pada tahun kedua dan berikutnya)	6% setahun
KAEDAH KUTIPAN	Mingguan	Bulanan

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT)

Merupakan kemudahan pinjaman yang disediakan khusus kepada pengusaha asas tani bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Terdapat 2 skim pinjaman di bawah Tabung Usahawan Tani.

PERKARA	PINJAMAN 1	PINJAMAN 2
JUMLAH PINJAMAN	RM5,000.00 (Berumur 40 tahun ke bawah) RM6,000.00 (Berumur 41 hingga 60 tahun)	RM10,000.00
TEMPOH PINJAMAN	24 bulan	
KADAR CAJ PENGURUSAN	Tiada caj pengurusan	6% setahun
KAEDAH KUTIPAN	Bulanan	

Tambahan lagi, agensi-agensi kerajaan persekutuan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, PERDA, SME Corp dan SME Bank juga turut menyediakan skim pembiayaan, bantuan dan perkhidmatan sokongan seperti bimbingan, latihan keusahawanan dan bantuan perancangan perniagaan kepada peniaga kecil dan mikro yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan mereka. Contohnya seperti skim pembiayaan AIM yang menawarkan jumlah pembiayaan yang kecil bermula daripada RM 1,000.00 hingga RM 50,000.00 bergantung kepada jenis perniagaan dan kelayakan pemohon. Pembiayaan ini biasanya digunakan untuk modal pusingan perniagaan atau membeli peralatan perniagaan kerana pembiayaan yang diberikan tidak memerlukan cagaran dan syarat pembayaran juga fleksibel, boleh dibuat secara ansuran mingguan atau bulanan dengan kadar faedah yang rendah dan tempoh pembayaran yang fleksibel.

- (a) Jumlah tapak niaga yang disediakan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya di Balik Pulau adalah masing-masing sebanyak 457 tapak niaga dan 40 tapak niaga seperti perincian di **Lampiran A**.

**SENARAI TAPAK NIAGA YANG DISEDIAKAN DI BALIK PULAU, PULAU PINANG
DI BAWAH MBPP DAN PDTDBD**

BIL	JABATAN	PASAR / KOMPLEKS/TPS/PSS	JUMLAH TAPAK
1.	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)	Pasar Basah Balik Pulau	115
2.		Pasar Kering Balik Pulau	62
3.		Bazaar Balik Pulau	50
4.		Kompleks Makanan Balik Pulau	60
5.		Tapak Penjaja Tmn. Sri Manggis (KIOSK)	4
6.		Tapak Penjaja Sri Sayang (KIOSK)	3
7.		Kompleks Desa Genting	9
8.		Kompleks Rimbun	5
9.		PSS Pekan Balik Pulau	19
10.		Pasar Malam Hadapan Masjid Daerah Barat Daya	80
11.		Pasar Malam Tapak Letak Kerera sebelah Balai Polis Sungai Pinang	50

LAMPIRAN A

BIL	JABATAN	PASAR / KOMPLEKS/TPS/PSS	JUMLAH TAPAK
12.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA	Lintang Pondok Upeh	7
13.		Benteng Corner	2
14.		Anjung Indah	6
15.		Sungai Rusa	2
16.		Bestari, Sungai Pinang	1
17.		Sungai Pinang	4
18.		Kuala Sungai Pinang	2
19.		Tropical Spice Garden	3
20.		Airport Corner	9
21.		Pantai Malindo	4
JUMLAH KESELURUHAN GERAI			497